



TERBITAN
86

2024
06 FEB

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
Rahida Aini

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmii penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Keadilan “Politik Identiti”, Keadilan “Politik Ekonomi”

Fauwaz Abdul Aziz

ANTARA topik perbualan, atau lebih tepatnya perdebatan, di negara kita adalah tentang dasar tindakan afirmatif berasaskan identiti, yang bertujuan untuk mengagihkan semula pendapatan, kekayaan, dan peluang bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi. Topik ini sebenarnya tertumpu pada dua konsep asas yang jarang dibincangkan dengan jelas. Walau bagaimanapun, kejelasan dan konsensus (yang minima) adalah penting jika kita ingin memahami dengan lebih baik makna keadilan.

Konsep pertama adalah keadilan “redistributif” (*redistributive justice*), iaitu keadilan dalam pengagihan pendapatan, kekayaan, dan/atau peluang masyarakat untuk memperolehi sesuatu yang bernilai (tetapi terhad), contohnya peluang pendidikan dan pekerjaan. Konsep kedua adalah keadilan “rekognitif” (*recognitive justice*), iaitu pengiktirafan, penghargaan, dan penyerapan (i) identiti dan perbezaan, (ii) kesamarataan dan inklusif, dan (iii) layanan berbeza.

Artikel ini membangkit persoalan: “Apakah hubungan antara keadilan pengagihan dengan keadilan pengiktirafan?” Perlu dijelaskan terlebih dahulu konsep “keadilan distributif” dan “keadilan

rekognitif”. Kemudian, sebuah penghuraian tentang hubungan antara kedua-dua dimensi keadilan tersebut perlu dilakukan. Akhir sekali, kita ajukan pertanyaan tentang implikasi kedua-dua dimensi tersebut terhadap keadilan sosial di Malaysia.

Keadilan pengagihan semula

Ramai yang memahami konsep keadilan pengagihan semula sebagai keadaan atau usaha untuk mencapai mengagihkan sumber-sumber ekonomi dan peluang secara saksama atau adil. Pada peringkat paling asas, kebanyakan orang bersetuju bahawa setiap orang berhak ke atas keperluan untuk hidup seperti makanan, minuman, rawatan perubatan, tempat tinggal, dan lain-lain. Untuk tempoh yang lebih panjang, ramai juga bersetuju bahawa capaian terhadap pendidikan, pengangkutan, sumber elektrik, pekerjaan, dan kemudahan lain adalah penting. Hal-hal tersebut membolehkan kita berfungsi dan menyumbang sebagai sebuah masyarakat.

Andaian tentang tanggungjawab masyarakat untuk memenuhi keperluan asas dan mencapai taraf hidup yang baik ini adalah cerminan kepada nilai dan aspirasi

kita untuk mencapai “keadilan sosial”. Hal itu turut tercermin dalam undang-undang, institusi-institusi, dan dasar-dasar seperti dasar pendidikan wajib dan/atau percuma, keselamatan sosial dan dana pencen seperti SOCSO dan KWSP, serta undang-undang gaji minimum. Ahli falsafah politik John Rawls mentakrifkan keadilan pengagihan sebagai pengagihan semula semua faedah dan beban kerjasama masyarakat dalam kalangan anggota masyarakat itu (Rawls 1999).

Di Malaysia, sejak beberapa dekad terakhir ini terdapat percanggahan pendapat tentang *tahap* dan *sejauh mana* pendidikan, pengagihan dan pembahagian buruh, dan lain-lain harus disediakan kepada masyarakat. Apabila perkara itu melibatkan lebih daripada keperluan asas, persoalan “ekonomi politik” pula timbul: *siapa* yang berhak untuk mendapat manfaat, *tahap apa* yang boleh dikatakan “adil”, dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita perlu melihat kepada konsep kedua iaitu “keadilan rekognitif”.

Keadilan pengiktirafan

Keadilan rekognitif atau pengiktirafan terkandung dalam “politik identiti” yang mempersoalkan identiti etnik atau bangsa seseorang, agamanya, jantinya dan yang terbaru, seksualiti, serta identiti-identiti lain yang diperjuangkan oleh kumpulan seperti gerakan nasionalis, sub-nasionalis, anti-kolonial serta gerakan wanita, Orang Asli, dan kumpulan hak LGBT.

Walaupun setiap pergerakan atau kumpulan mungkin berbeza pada bentuk, bahan, dan skop identiti tertentu yang diperjuangkannya, keadilan pengiktirafan boleh disifatkan dengan satu atau lebih daripada ciri-ciri berikut: (i) identiti dan perbezaan (sebagai orang beridentiti A, saya berbeza daripada bukan-A); (ii) kesaksamaan dan keterangkuman (sebagai rakyat dari etnik “B” atau “C”, saya menuntut pengiktirafan dan layanan sama yang diberikan kepada rakyat yang lain, seperti A); dan (iii) layanan berbeza (Pengalaman dan perbezaan saya sebagai orang “D” bermakna saya (dan orang seperti saya) berhak dilayan dengan layanan yang tidak sama seperti orang yang bukan-D).

Menurut pakar teori sosial Axel Honneth, keadilan rekognitif ialah pengiktirafan dan penghormatan *masyarakat* terhadap identiti seseorang (1995, 2003). Ini bermakna, tidak cukup bagi seseorang insan untuk berasa hormat sebagai suami, bapa, anak, atau rakan sekerja yang jujur, boleh dipercayai, penyayang dan lain-lain jika dia dianggap atau dilayan sebagai orang yang tidak jujur, tidak boleh dipercayai, tidak berintegriti, atau sebaliknya tidak layak dari segi perwatakan untuk diambil bekerja misalnya (RD Pilapil 2015, 125).

Politik identiti vs politik pengedaran

Rujukan terhadap pemikiran Axel Honneth dan John Rawls ini dilakukan kerana kedua-dua tokoh itu telah memberikan sumbangan penting kepada topik pengiktirafan, pengagihan, dan keadilan sosial. Walau bagaimanapun, antara kelemahan utama pemikiran mereka adalah tentang pengurangan setiap bentuk keadilan kepada bentuk keadilan yang lain: Axel Honneth menganggap pokok pangkal semua usaha pengagihan (yang sering dipanggil politik ekonomi) adalah isu keadilan pengiktirafan (politik identiti). Oleh itu, kekurangan pengiktirafan yang dimiliki oleh wanita suri rumah dan kesalahan menilai buruh wanita di pasaran berbanding lelaki hanyalah satu bentuk salah-pengiktirafan nilai wanita walaupun wanita memberi sumbangan.

John Rawls, sebaliknya, melihat pengiktirafan atau salah pengiktirafan identiti sebagai kegagalan politik ekonomi untuk mengagihkan perkara yang dinilai (material dan bukan-material) tinggi oleh masyarakat secara adil. Bagi Rawls, masyarakat ialah pasaran di mana orang bersaing untuk memiliki idea-idea dan nilai-nilai (seperti kehormatan) dan barangan tertentu.

Kita perlu melihat dengan lebih dekat idea pemikir ketiga iaitu Nancy Fraser yang berpendapat bahawa pengedaran barangan material dan bukan material dan pengiktirafan identiti adalah dua dimensi *keadilan sosial yang sama*, bagaikan syiling dua muka. Pendekatan “perspektival-dualis” Fraser terhadap keadilan tidak menganggap semua perjuangan pengiktirafan (seperti perjuangan etnik) sebagai perjuangan materialis untuk menguasai sumber semata-mata. Dengan kata lain, semua

perjuangan untuk keadilan pengagihan hanyalah perjuangan untuk harga diri, maruah, dan lain-lain nilai yang bersifat “pribadi”.

Pendekatan Fraser mengiktiraf bahawa kedua-dua perjuangan keadilan—pengagihan dan pengiktirafan—diingini oleh semua manusia. Bagaimanapun, setiap perjuangan adalah berbeza dan harus ditangani mengikut ciri-ciri masing-masing dan seiring antara satu sama lain. Eksploitasi ekonomi, peminggiran, dan perampasan adalah contoh penafian pengagihan yang tidak adil. Malah, bukan semua penafian pengagihan dapat disamakan dengan dominasi budaya atau penafian kehormatan (Pilapil, 2015). Pada masa yang sama, salah-pengagihan dan salah-pengiktirafan adalah dua dimensi ketidakadilan sosial; kedua-duanya tidak boleh diselesaikan dengan baik tanpa usaha untuk menyelesaikan yang lain. Biarpun kedua-duanya boleh

dianalisis dan diteorikan secara berasingan, secara realitinya, ia bertindih antara satu sama lain. Seperti dimensi ruh dan dimensi jasad, kedua-duanya saling mempengaruhi. “Kefakiran menjerumuskan kepada kekafiran...”

Tindakan afirmatif seperti kuota untuk wanita dalam kepimpinan dan menyamakan gaji wanita dan lelaki tidak boleh menyelesaikan diskriminasi terhadap wanita melainkan usaha perubahan politik budaya dilakukan. Begitu juga dengan bermain “politik identiti” secara berterusan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi kumpulan masyarakat tertentu, akan kekal simbolik atau “performatif” melainkan langkah substantif diambil untuk membetulkan norma, amalan, proses, atau struktur (undang-undang, dasar, peraturan dan institusi) yang melaksanakan dan mengekalkan ketidakadilan pengagihan.

Rujukan

- Agadjanian, V., & Peng Liew, H. (2005). *Preferential policies and ethnic differences in post-secondary education in Peninsular Malaysia. Race Ethnicity and Education*, 8 (2), 213–230.
- Choong, C. *Race-based affirmative action in Malaysia: Misrecognised subjectivities, enduring inequalities. Asian Journal of Social Science*, 50 (2022) 79–86.
- Fraser, N and Honneth, A. (2003). *Redistribution as recognition. In Redistribution or recognition: A political-philosophical debate (Fraser, N. and Axel Honneth)*, 110–97.
- . (1997). *Justice Interruptus: Critical Reflections on the “Postsocialist” Condition*. Routledge.
- Honneth, A. (1995). *The Struggle for Recognition: The Moral Grammar of Social Conflicts (trans. Joel Anderson)*. Polity Press.
- Lee, H.-A. (2021). *Affirmative Action in Malaysia and South Africa: Preference for Parity*. Routledge.
- Lee, H.-A. & Khalid, M. A. (2020). *Is inequality really declining in Malaysia? Journal of Contemporary Asia*, 50 (1), 14–35.
- Pilapil, R.D. (2015). *Recognition: Examining Identity Struggles*. Ateneo De Manila University Press.
- Pong, S.-L. (1995). *Access to education in peninsular Malaysia: Ethnicity, social class and gender. Compare*, 25 (3), 239–252.
- Rawls, John. 1999. *A Theory of Justice*. Harvard University Press.



Fauwaz Abdul Aziz merupakan seorang Penyelidik Projek di Program Sejarah dan Serantau, Penang Institute.